

NW: 342

SJ.B/(TULIS)/(25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**
PERTANYAAN : BERTULIS
TARIKH : 19.10.2009 – 15.12.2009

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai oleh Kerajaan Persekutuan di setiap negeri mengikut pecahan jabatan-jabatan berlainan dari tahun 2000 hingga 2008 dan jumlah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kepada setiap negeri dari tahun 2000 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem kutipan cukai berdasarkan negeri hanya diwujudkan mulai tahun 2001. Kutipan cukai sebelum tahun tersebut adalah berdasarkan kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jumlah kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) serta pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2001 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Negeri	Kutipan LHDN (RM juta)	Kutipan KDRM (RM juta)	Pemberian (RM juta)
Wilayah Persekutuan	350,259	58,953	-
Selangor	21,012	62,498	2,834
Johor	19,126	12,196	1,801
Sarawak	16,621	7,489	2,666
Pulau Pinang	19,147	6,523	794
Sabah	12,855	2,265	3,597
Perak	9,469	4,216	1,735
Melaka	4,194	5,455	620
Terengganu	1,584	7,082	1,167
Negeri Sembilan	3,192	5,316	871
Kedah	3,478	3,198	1,588
Pahang	2,989	3,033	1,357
Kelantan	1,154	322	1,458
Perlis	438	944	563

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan hasil cukai pendapatan tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan daripada negeri yang berkenaan. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Misalnya terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di sana.

3. Jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2001 hingga 2008 meliputi:

- i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*);
- ii) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri;
- iii) Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa;
- iv) Pemberian Tahunan Kedah dan Selangor;
- v) Pemberian Khas Negeri Sabah dan Sarawak;
- vi) Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup;
- vii) Pemberian Senarai Bersama;
- viii) Bantuan Bayaran Bil Elektrik Lampu Jalan dan Lampu Isyarat PBT;
- ix) Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Pelaksanaan Projek Persekutuan;
- x) Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais Atas Barangan Petroleum Kepada Negeri Sabah & Sarawak; dan
- xi) Pemberian Kekurangan Dalam Akaun Mengurus.